



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN: PERKHIDMATAN PENGHANTARAN DAN PENGAGIHAN ELEKTRIK

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

4 Ogos 2021

Penerbitan

Tarikh: 4 Ogos 2021.

Panduan Perkhidmatan Penghantaran Dan Pengagihan Elektrik pada 1 Julai 2020 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Perkhidmatan Penghantaran Dan Pengagihan Elektrik yang disemak semula pada 4 Ogos 2021.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai penggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang ditetapkan iaitu "perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai".
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan yang dikenakan cukai melebihi nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan dikehendaki didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai "orang berdaftar" dan perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kena cukai yang dibuat kepada pelanggannya.
4. Panduan ini disediakan untuk membantu anda dalam memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penyediaan elektrik.

TERMINOLOGI

5. Bagi maksud panduan ini:
 - (i) "**Perkhidmatan Elektrik**" ertinya perkhidmatan yang ditetapkan di ruang (2), Butiran 9, Kumpulan I, Jadual pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
 - (ii) "**Kawasan Ditetapkan**" (KD) bermaksud Labuan, Langkawi, Pangkor dan Tioman. (Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018);

-
- (iii) “**Kawasan Khas**” (**KK**) bermaksud sebarang zon bebas, gudang berlesen dibawah seksyen 65, Akta Kastam 1967 (AK1967) dan gudang pengilangan berlesen di bawah Seksyen 65A (AK1967) dan Kawasan Pembangunan Bersama (KPB), Pengkalan Bekalan Petroleum (Seksyen 77 B, AK 1967) (Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018).

SKOP CUKAI

6. Berkuatkuasa 1 September 2018, di bawah Kumpulan I, Butiran 9, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, perkhidmatan penyediaan elektrik kepada pengguna domestik adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
7. Pembekalan tarif elektrik bagi Semenanjung Malaysia dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990, manakala untuk Sarawak Ordinan Bekalan Elektrik Sarawak 1982 dan Akta Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 dan Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 untuk Sabah.
8. Aktiviti utama dalam industri elektrik adalah penjanaan, transmisi dan pengagihan elektrik. Pada asasnya, rangkaian bekalan elektrik melibatkan tiga proses sebelum ianya dibekalkan kepada pengguna. Di Semenanjung Malaysia pihak yang membekal elektrik adalah Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pengeluar Tenaga Bebas (IPP), Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) bagi Sabah, Syarikat SESCO Berhad (SESCO) bagi Sarawak.
9. IPP di Semenanjung Malaysia seperti Genting Sanyen Power Sdn Bhd, Powertek Sdn Bhd dan Port Dickson Sdn Bhd yang dilesenkan oleh Kerajaan untuk menjana elektrik. Elektrik yang dijana kemudiannya dibekalkan kepada Tenaga Nasional, Bahagian Transmisi untuk memastikan kecukupan dalam Sistem Grid Nasional sebelum ianya dibekalkan kepada TNB Distribution yang akan

mengedarkan elektrik tersebut kepada pengguna domestik, komersil dan industri. Pembekalan elektrik di Sabah ialah SESB manakala di Sarawak ialah SESCo.

10. Pembekalan elektrik adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN ELEKTRIK

11. Penyediaan 600 unit pertama elektrik kepada pengguna domestik bagi suatu tempoh minimum dua puluh lapan hari untuk satu kitaran pembilan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

12. Cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas perkhidmatan elektrik kepada pengguna domestik selain daripada pengguna domestik dalam kawasan yang ditetapkan bagi kegunaan yang melebihi 600 kWh bagi suatu tempoh minimum dua puluh lapan hari untuk satu kitaran pembilan.

13. Pengecualian penggunaan 600 kWh pertama hanya diberikan ke atas kitaran pembilan tidak kurang daripada 28 hari sahaja.

14. Jadual di bawah menerangkan layanan cukai perkhidmatan ke atas penggunaan elektrik dan kitaran bil bulanan.

No.	Penggunaan (kWh)	Kitaran Bil	Tertakluk kepada CP
1.	> 600	≥ 28 hari	Ya (601 kWh dan ke atas)
2.	≤ 600	≥28 hari	Tidak
3.	≤ 600	< 28 hari	Ya (Jumlah penggunaan)
4.	> 600	< 28 hari	Ya (Jumlah penggunaan)

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN ELEKTRIK DI KD DAN KK

15. Mulai 6 September 2018, perkhidmatan elektrik yang diberikan di kawasan yang ditetapkan (KD) adalah dikecualikan daripada dikenakan cukai perkhidmatan.

16. Walau bagaimanapun, perkhidmatan elektrik di Kawasan Khas (KK) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan merujuk Seksyen 55, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

17. Pembekal perkhidmatan yang mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan elektrik adalah dikehendaki berdaftar dibawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Panduan Pendaftaran Cukai Perkhidmatan**.

18. **Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:**

- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (ii) Mengeluarkan invois kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Am Cukai Perkhidmatan**.

SOALAN – SOALAN LAZIM

1. **S : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan elektrik kepada pengguna domestik?**

J : Perkhidmatan elektrik kepada pengguna domestik hanya dikenakan cukai perkhidmatan ke atas penggunaan elektrik yang melebihi 600kWh bagi suatu tempoh minimum 28 hari untuk satu kitaran bil.

2. **S : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penyediaan kepada pengguna komersial?**

J : Perkhidmatan elektrik kepada pengguna komersial adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

3. **S : Penggunaan elektrik oleh En. Khalid bagi tempoh bil 17 April 2019 sehingga 16 Mei 2019 (30 hari) adalah sebanyak 765kWh. Berapakah jumlah cukai perkhidmatan yang dikenakan kepada En. Khalid?**

BLOK TARIF (kWh)	Blok Prorata (kWh)	Kadar (RM)	Amaun (RM)
200	200	0.218	43.60
100	100	0.334	33.40
300	300	0.516	154.80
300	165	0.546	90.09
Jumlah	765		321.89

J : Nilai yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan

$$(321.89-90.09) = \text{RM}231.80$$

Nilai yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan

$$= \text{RM}90.09$$

Jumlah cukai perkhidmatan yang dikenakan

$$(\text{RM}90.09 \times 6\%) = \text{RM}5.41$$

4. **S : Bil elektrik yang diterima oleh Ariff terdiri daripada pengenaan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB). Adakah kenaan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Pengenaan KWTBB adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia bukan berkaitan kepada penyediaan perkhidmatan elektrik.

5. **S : Syarikat Pae Sdn Bhd memasang panel solar di atas bangunan syarikat. Tenaga elektrik yang dijana daripada panel solar ini akan dijual kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).**

Adakah penjualan tenaga elektrik ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Penjualan tenaga elektrik tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana tidak diagihkan kepada pengguna kediaman.

6. **S : Syarikat ABC Sdn Bhd membuat program solar berskala besar di Malaysia. Loji syarikat akan menjana tenaga elektrik daripada sumber solar dan seterusnya tenaga elektrik yang dijual kepada pelanggan domestik.**

Adakah cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas tenaga

elektrik yang dijana dan dijual kepada pelanggan domestik?

J : Tenaga elektrik yang dijual oleh syarikat Lan Sdn Bhd kepada pelanggan domestik adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan keatas penggunaan melebihi 600 kWh bagi satu tempoh minimum 28 hari untuk satu kitaran pembilan.

7. **S : JMB Kondo Perdana dikenakan perkhidmatan elektrik secara pukal oleh pemberi perkhidmatan elektrik. JMB Kondo Perdana akan mengeluarkan bil secara berasingan kepada setiap pemilik strata.**

Adakah bil yang dikeluarkan oleh JMB Kondo Perdana kepada setiap pemilik strata dikenakan cukai perkhidmatan?

J : JMB Kondo Perdana mempunyai lesen untuk perkhidmatan agihan elektrik kepada pengguna domestik. Sekiranya jualan tahunan melebihi nilai ambang, JMB Kondo Perdana hendaklah berdaftar cukai perkhidmatan. JMB Perdana hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan atas penggunaan melebihi 600kwh bagi satu tempoh minimum 28 hari untuk satu kitaran pembilan.

8. **S : Syarikat Janna Sdn Bhd memberi perkhidmatan agihan elektrik kepada pengguna domestik di Pulau Pangkor. Adakah cukai perkhidmatan akan dikenakan di kawasan Pulau Pangkor?**

J : Perkhidmatan bercukai di dalam atau di antara Kawasan Ditetapkan (KD) seperti Pulau Pangkor tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan mengenai panduan ini sila hubungi :

Bahagian Cukai Dalam Negeri
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 5, Blok A, Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT

Maklumat lanjut berkaitan cukai perkhidmatan boleh diperolehi daripada :

- i. Laman web MySST: <https://mysst.customs.gov.my/>
- ii. Pusat Panggilan Kastam :
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Faks : 03-7806 7599
 - E-mel : ccc@customs.gov.my

RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN**Versi 4 – 4 Ogos 2021**

Para	Keterangan
Perenggan 13	Memasukkan perenggan baru sebagai perenggan 13.
Perenggan 14	Membuat pindaan ke atas jadual perenggan 14.
Perenggan 15	Pindaan editorial bagi membaiki dan menukar ayat bagi menjelaskan lagi maksud perenggan 15.
Perenggan 16	Pindaan editorial bagi membaiki dan menukar ayat bagi menjelaskan lagi maksud perenggan 16.